

Laungan merdeka kekal di ingatan

Oleh HAPIZAH AZIZ

TENGGU Noor Asiah Tengku Ahmad, 75, masih tidak dapat melupakan saat-saat bersama rakyat seluruh negara melaungkan 'merdeka' mengiringi Tunku Abdul Rahman Putra dalam stadium penuh sesak dan gamat di Kuala Lumpur pada tahun 1957.

Kerabat Diraja Kelantan itu bagaimanapun sukar untuk mengungkapkan perasaannya dan membayangkan hanya mereka yang berada ketika itu dan pada zamannya lebih mengerti apa maknanya kemerdekaan yang dilautkan.

Katanya, air matanya bergebang dan gementar, ketika bersama-sama dalam kegembiraan dan keharuan, pada saat negara bebas dari cengkaman penjajahan sekian lama dan memberi peluang rakyat menentukan sendiri corak pemerintahan.

Selesa dengan panggilan 'Datuk Ku Nor', beliau ketika itu berusia 26 tahun dan meskipun dari keluarga kenamaan, beliau cukup merasai pahit getir yang dihadapi oleh rakyat dan telah mendekati politik perjuangan.

Beliau memahami keadaan tersebut kerana sering mengikuti ayahnya Tengku Ahmad Panglima Raja Tengku Abdul Ghafar Tengku Temenggong (lama) yang aktif dalam politik tanah air semasa ke merata ceruk kawasan.

"Saya menaiki kereta bersama ahli-ahli UMNO turun ke Kuala Lumpur dan menginap di sebuah asrama dua hari sementara menanti peristiwa bersejarah itu.

"Perasaan pada masa itu tidak dapat diceritakan, rasa bangga akan pengurniaan kemerdekaan itu.

"Saya mengingatkan kebijaksanaan perjuangan pemimpin UMNO sehingga membolehkan negara memperoleh kemerdekaan tanpa perlu mengeluarkan setitik darah," ujarnya.

Menurutnya, keikhlasan mereka mengatirkan pertemuan demi pertemuan bagi membincangkan pemberian kemerdekaan negara itu dan mengajak rakyat bersama bukan sesuatu yang mudah dilaksanakan.

"Hanya mereka yang memahami kedudukan, pendidikan dan mempunyai kesedaran luas terhadap nasib maruah bangsa mampu mengusahakan ke arah mendapat-

UM-27/8/2006

Perasaan pada masa itu tidak dapat diceritakan, rasa bangga akan pengurniaan kemerdekaan itu

— Tengku Noor Asiah

kan kemerdekaan dan bagi mempertahankannya kelak," ujarnya.

Beliau bersyukur kerana masih berpeluang meraikan sambutan yang ke-49 kemerdekaan negara serta masih dapat melihat negara dan bangsa meniti kejayaan demi kejayaan.

Datuk Ku Nor yang juga merupakan wanita tunggal dari Kerabat Diraja Kelantan yang aktif dalam politik ketika itu dan memulakan kerjaya politiknya sebagai ahli biasa UMNO Bahagian Kota Bharu.

Beliau turut menjawat jawatan Ketua Wanita UMNO negeri Kelantan dan Exco Wanita UMNO Pusat.

Ibu kepada sembilan anak dan nenek kepada 36 cucu itu pernah menjadi Ahli Parlimen tunggal wanita Kelantan sel-

ma dua penggal untuk kawasan Tumpat dan satu penggal sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri kawasan Sungai Pinang.

Tengku Noor Asiah berkata, penglibatannya dalam UMNO memberi peluang kepadanya untuk mencurah bakti kepada masyarakat terutama melalui pendidikan bagi mengubah nasib rakyat.

Katanya, pengenalan sekolah dewasa secara meluas memberinya peluang mengajar wanita dewasa belajar menulis dan membaca bagi menimba ilmu pengetahuan.

"Penubuhan kelas dewasa juga membolehkan ramai anggota masyarakat menyedari kepentingan pendidikan dan seterusnya menggalakkan anak-anak mereka bersekolah," ujarnya.

Di samping aktif dalam UMNO, beliau juga aktif dalam Perkumpulan Perempuan (WI) Negeri Kelantan dan memegang jawatan sebagai pengerusi sehingga sekarang.

"Dalam perkumpulan itu, saya berpeluang mendekati diri dengan masyarakat dan



**TENGGU NOOR ASIAH
TENGGU AHMAD**



TUNKU Abdul Rahman melaungkan merdeka di Stadium Merdeka.

membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi," ujarnya.

Ketika itu katanya, mereka mempromosikan ilmu pengetahuan termasuk masakan makanan seimbang serta penjagaan kesihatan.